

TARIKH: 22/6/23
SURAT KHBAR: Sinar Harian
MUKA SURAT:

SINAR HARIAN • KHAMIS 22 JUN 2023

SELAN

Caruman SKSSR di Selangor masih rendah

Hanya 3,000 yang mencarum berbanding sasaran 80,000 wanita

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR
KUALA SELANGOR

Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) Selangor mengesan hanya 3,000 wanita berusia bawah 55 tahun di negeri ini mencarum dalam Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) sejak dilaksanakan hujung tahun lalu.

Pengarah Perkeso Selangor, Ismail Abi Hashim berkata, jumlah itu masih rendah berbanding sasaran 80,000 wanita mencarum skim khas berkenaan pada tahun ini.

“Mungkin ini berpunca kesedaran dan



Ahli Parlimen Kuala Selangor, Dr Dzulkefly Ahmad (kiri) bersama Ismail Abi (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan dan faedah Perkeso kepada Muhamad Daniel Musa, 22, yang terlantar di Kampung Parit Mahang pada Rabu.

pengetahuan rendah mengenai faedah caruman SKSSR,” katanya ketika ditemui selepas menyerahkan bayaran faedah Perkeso kepada seorang mangsa kemalangan di Kampung Parit Mahang di sini

pada Rabu.

Menurutnya, kadar caruman berjumlah hanya RM120 setahun itu terbuka kepada semua wanita dengan pelbagai faedah perubatan, tanggungan dan khairat kematian.